

NO. SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN-CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**

TARIKH : 20 MAC 2018

RUJUKAN : 10599

SOALAN :

Tuan Chua Tian-Chang @ Tian Chua [Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa En. Hanif Abdul Jalil ditahan di Singapura dan kenapa beliau ditahan di bawah SOSMA.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Muhammad Nur Hanif bin Abdul Jalil telah ditahan oleh pihak berkuasa Singapura pada 18 Jan 2018 kerana disyaki merancang untuk menyertai pengganas Daesh di Syria. Suspek kemudiannya telah diserahkan kepada pihak berkuasa Malaysia dan ditangkap semula pada 2 Feb 2018 di Johor untuk siasatan lanjut.

Namun begitu, hasil siasatan PDRM mendapati suspek tidak mempunyai ideologi Daesh dan penglibatannya hanya sekadar untuk mengetahui sama ada perjuangan Daesh benar-benar mengikut ajaran Islam atau sebaliknya. Pendedahan lanjut suspek juga mengesahkan bahawa suspek tidak menyertai mana-mana sel kumpulan pengganas Daesh dan akan dibebaskan dalam masa terdekat.

100

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK
ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 20.3.2018 (SELASA)

SOALAN : 43

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan status Jalan Kanowit - Song-
Kapit sekarang.

151

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan Perhubungan Kanowit – Song – Kapit merupakan projek yang diluluskan secara berperingkat sejak dari Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Ianya melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM813.4 juta dengan panjang keseluruhan jalan adalah 101.9km. Projek ini telah dipecahkan kepada 11 pakej di mana 6 pakej telah pun siap dilaksanakan secara berperingkat, 3 pakej dalam pembinaan dan 2 pakej dalam peringkat penilaian tender. Secara keseluruhannya Kementerian menjangkakan keseluruhan projek ini akan siap sepenuhnya sebelum tahun 2020.

SOALAN : 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN P. KASTHURIRAANI (BATU KAWAN)

TARIKH : 20 MAC 2018

RUJUKAN : 10716

SOALAN :

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan anak muda yang berumur 18 tahun dan ke bawah yang sedang menjalani hukuman di penjara juvenil dan pusat pemulihan, jenis jenayah yang dilakukan mengikut pecahan umur serta pecahan etnik bagi bilangan tersebut dari tahun 2008 sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Statistik penghuni Sekolah Henry Gurney sehingga 22 Februari 2018 yang berumur 18 tahun ke bawah mengikut jantina:

	Sekolah Henry Gurney	Lelaki	Wanita
1	Telok Mas, Melaka	564	52
2	Jasin, Melaka	109	-
3	Keningau, Sabah	113	18
4	Puncak Borneo, Kuching	44	-
	Jumlah	830	70

Statistik penghuni Sekolah Henry Gurney sehingga 19 Februari 2018 yang berumur 18 tahun ke bawah mengikut kesalahan (dadah dan bukan dadah:

	Sekolah Henry Gurney	Dadah	Bukan Dadah
1	Telok Mas, Melaka	212	404
2	Jasin, Melaka	37	72
3	Keningau, Sabah	72	59
4	Puncak Borneo, Kuching	4	40
	Jumlah	325	575

**Statistik penghuni Sekolah Henry Gurney sehingga 19 Februari 2018
yang berumur 18 tahun ke bawah mengikut etnik/warganegara:**

	Etnik/Warga negara	Jumlah
	WARGA NEGARA MALAYSIA	
1	Melayu	618
2	Cina	18
3	India	81
4	Iban	23
5	Dusun	22
6	Bajau	47
7	Bugis	14
8	Sungai	11
9	Asli	7
10	Kadazan	8
11	Melanau	8
12	Lain-lain etnik	24
	WARGA NEGARA ASING	19
	JUMLAH	900

SOALAN (45)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 MAC 2018
[SELASA]DARIPADA : YB TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]

SOALAN :

YB TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah keputusan Kabinet yang diumumkan pada 17 November 2017 untuk membekukan kesemua projek komersial dan kondominium mewah bernilai melebihi RM1 juta seunit di seluruh negara masih berkuatkuasa. Jika tidak, apakah dasar Kerajaan terkini untuk mengawal amaran *property glut* daripada Bank Negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 November 2017 telah memutuskan cadangan untuk **membekukan sementara permohonan baharu oleh pemaju untuk membina kompleks membeli-belah, bangunan pejabat, pangsapuri servis dan kondominium yang berharga RM1 juta ke atas**. Keputusan ini diambil bagi menangani lebihan hartanah perumahan tidak terjual dan juga kenaikan yang tinggi di ruang hartanah komersial yang kosong.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 November 2017 pula memutuskan supaya pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Kementerian Kewangan (MOF) dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) menyediakan **prosedur operasi standard (SOP) dan garis panduan** yang jelas berhubung **mekanisme bagi mengemukakan rayuan serta kaedah pertimbangan bagi rayuan pengecualian ke atas pembekuan kelulusan projek pembinaan baharu perumahan residensi mewah dan hartanah komersial berharga RM1 juta/unit dan ke atas**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dalam menyediakan SOP ini, KPKT telah mengadakan libat urus (*engagement*) dengan pihak-pihak berkepentingan seperti Bank Negara Malaysia (BNM), institusi kewangan, agensi Kerajaan serta Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) bagi memastikan sebarang keputusan Kerajaan dapat diterima oleh semua pihak.

Susulan daripada siri mesyuarat bersama pihak berkepentingan (*stakeholder*) KPKT telah mencadangkan **mekanisme penguatkuasaan pelaksanaan pembekuan sementara kelulusan projek hartanah perumahan bagi unit bernilai RM1 juta**. Mekanisme yang dicadangkan ini **hanya akan meliputi pemajuan hartanah perumahan** memandangkan kawalan pemajuan hartanah komersial dan ruang pejabat adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Isu pembekuan sementara ini turut dibawa ke dalam **Mesyuarat High Level Committee Mengenai Perumahan** yang diadakan pada 25 Januari 2018 dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan **Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Ke-131** yang diadakan pada 6 Februari 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan mengambilkira input dari siri mesyuarat dengan pihak berkepentingan dan laporan yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) dan BNM, kedua-dua mesyuarat peringkat tinggi ini telah bersetuju dengan syor berikut:

- i) **Pelaksanaan pembekuan** sementara kelulusan projek hartanah perumahan bernilai RM1 juta ke atas **dikaji semula** kerana berdasarkan data terkini NAPIC, bagi suku keempat 2017 (preliminary), jumlah keseluruhan unit hartanah perumahan di bawah kategori tidak terjual (siap dibina) atau *overhang* dan belum dijual (sedang dibina dan belum dibina) atau *unsold* adalah sebanyak 99,246 unit bagi seluruh negara dengan **jumlah tertinggi unit hartanah perumahan tidak terjual adalah dalam kategori harga di bawah RM500,000.00 iaitu sebanyak 61,687 unit atau 62.2%.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menggubal **penyelesaian jangka panjang** isu '**property glut**' yang dibangkitkan oleh pihak BNM, KPKT telah mengenalpasti keperluan seperti berikut:

- i) pelarasan penyediaan dan permintaan (*supply and demand*) bagi sektor perumahan;

- ii) penyelesaian bagi akses kepada pembiayaan;
- iii) mengalakkan sewaan rumah kediaman; dan
- iv) koordinasi di peringkat kerajaan pusat dengan Kerajaan Negeri bagi penggubalan dasar berkaitan perumahan sebagai objektif dan sasaran utama di bawah Dasar Perumahan Negara 2.0.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPKT turut mengenalpasti beberapa cadangan penyelesaian yang akan diangkat ke peringkat Jemaah Menteri bagi memastikan harga rumah adalah mampu milik antaranya seperti:-

- i) pengurangan kadar faedah bagi pinjaman perumahan;
- ii) pewujudan tabung khas bagi pembiayaan rumah milik; dan
- iii) kajian semula kos utiliti pembinaan dan dibincangkan dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi serta Kerajaan Negeri untuk memastikan sektor perumahan negara serta isu *property glut* ini dapat diselesaikan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018